

## Rumah sewa jadi makmal dadah

5 Mac 2018

WARGA BANGLADESH TAUKE HOMESTAY MEWAH

# Rumah sewa jadi makmal dadah

➔ Polis akui wujud sindiket jadikan premis lokasi jalankan aktiviti jenayah

Oleh Rashiqah Ilimi Abd Rahim dan Siti Azila Alias  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**olis tidak menafikan wujud aktiviti oleh sindiket yang menyewa kediaman, termasuk homestay dengan menjadikannya sebagai lokasi penyalahgunaan dadah dan jenayah lain.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Selangor, Superintendan R Sundralingam, berkata sindiket terbahit dikesan beralih kepada kediaman seperti teres, apartmen dan kondominium untuk beroperasi selain hotel berbanding bengkel atau gudang sebelum ini.

Trend itu katanya adalah salah satu taktik bagi mengaburi mata pihak berkuasa berikutan kediaman jenis itu sukar dihidu sekiranya tiada aduan atau laporan dibuat kepada polis.

"Sekarang, sindiket tidak lagi perlu makmal khas untuk beroperasi. Rumah pun sudah boleh diubah menjadi makmal kerana tidak banyak peralatan digunakan dan mudah jika mereka hendak berpindah."

"Contohnya, dalam serbuan di Setia Alam, Shah Alam sebelum ini, rumah dua tingkat dijadikan makmal memproses dadah jenis ecstasy manakala yang mengendalikannya pula hanya dua orang.

"Begitu juga pembongkaran makmal dadah di Gombak, baru-baru ini dengan jiran di sekeliling



Sekarang, sindiket tidak lagi perlu makmal khas untuk beroperasi. Rumah pun sudah boleh diubah menjadi makmal kerana tidak banyak peralatan digunakan dan mudah jika mereka hendak berpindah"

**R Sundralingam,**  
Timbalan Ketua Jabatan  
Siasatan Jenayah Narkotik  
Selangor

tak ambil kisah apa yang berlaku berdekatan rumah mereka," katanya kepada BH.

Kelmarin, BH Bongkar melaporkan warga Bangladesh yang sebelum ini lebih ramai bekerja atau 'mengusahakan perniagaan' dalam sektor perkhidmatan seperti restoran atau cuci kenderaan dilihat menceburkan diri pula dalam bisnes rumah penginapan atau homestay mewah, terutama di bandar besar.

Apa yang mencurigakan, mereka disyaki tidak mendaftarkan perniagaan itu dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan atau membayar warga tempatan untuk menjadi 'proksi' syarikat yang daftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

### Jiran perlu lebih prihatin

Sundralingam berkata, jiran tetangga juga perlu bersikap lebih prihatin serta mempunyai tanggungjawab sosial dengan melaporkan kepada polis jika terlihat aktiviti atau pergerakan mencurigakan di kawasan perumahan mereka.

"Saya lihat kebanyakan masyarakat di Lembah Klang kurang semangat kejiwaan. Seharusnya mereka perlu ada sikap ambil tahu dan peka dengan siapa mereka berjiran supaya aktiviti tidak sihat ini dapat dibendung," katanya.

Katanya, pemilik rumah pula perlu dipertanggungjawabkan dengan melakukan semakan terlebih dulu mengenai latar belakang penyewa, bukan sekadar memikirkan keuntungan semata-mata.

"Apatah lagi, transaksi pembayaran kini kebanyakannya dibuat secara dalam talian menyebabkan pemilik tidak tahu kemungkinan kediaman mereka disalah guna untuk aktiviti lain," katanya.



Keratan BH kelmarin.